

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3

Tidak ragu-ragu daftar PADU, penduduk dapatkan bantuan PEDI

Tidak ragu-ragu daftar PADU, penduduk dapatkan bantuan PEDI

HULU TERENGGANU - Rata-rata penduduk di FELDA Jerangau Barat di sini tidak ragu-ragu untuk mendaftar dan mengemas kini maklumat dalam Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Penduduk, Ramli Hamzah, 67, berkata, walaupun buta teknologi maklumat (IT), dia tetap berusaha mendaftar selepas tahu mengenainya melalui jiran.

"Ada kawan dekat rumah beritahu pasal PADU. Sebab itu saya datang untuk mendaftar hari ini. Di sini ada petugas bantu dan memudahkan lagi urusan," katanya ketika ditemui di Pusat Ekonomi Digital (PEDI) FELDA Jerangau Barat di sini pada Sabtu.



RAMLI



NORSHAHIRAH

Seorang lagi penduduk, Norshahirah Mat Disa, 29, berkata, dia mendapat maklumat mengenai PADU menerusi internet dan media sosial.

"Sebelum ni saya pun tak tahu me-



MOHD SAIFUDDIN

ngenal PADU sebab perkara baharu.

"Apa yang saya faham, kalau nak mohon mana-mana bantuan, agak sukar kalau kita tak kemas kini butiran peribadi menerusi PADU," ujamnya.

Bagi Mohd Saifuddin Che Mat, 41, pula, dia mendapat maklumat mengenai PADU menerusi media sosial dan rakan-rakan.

Sementara itu, Penolong Pegawai Jabatan Perangkaan Terengganu, Mohd Fauzi Alias berkata, pendaftaran PADU melibatkan 15 buah PEDI di seluruh Terengganu bermula 4 Januari lalu sehingga 31 Mac depan.